

07 OCT 1996

SUHARTO PULANG SELEPAS LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, Oct 7 (Bernama) -- Presiden Suharto berlepas pulang ke Jakarta petang ini setelah melawat Malaysia selama dua hari.

Perdana Menteri Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berada di Lapangan Terbang Antara Bangsa Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau. Turut hadir ialah menteri pengiring Datuk Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir dan Suharto mengadakan perbincangan dua hala mereka di Jabatan Perdana Menteri di sebelah pagi sebelum menghadiri majlis makan tengah tengah hari yang diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara. -- BERNAMA

ES WAT